



UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : JANUARI / 3 / 2024

M/S : 4



Anwar mengesahkan PADU selepas pelancaran di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) semalam. Turut hadir Ahmad Zahid dan Rafizi. (Foto BERNAMA)

PADU elak ketirisan beri bantuan, subsidi

Pangkalan data sosioekonomi gabung maklumat pelbagai jabatan, agensi kerajaan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pangkalan Data Utama (PADU) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam adalah hab data negara yang selamat dan komprehensif untuk mengelakkan kecaciran dalam pengagihan bantuan serta subsidi kerajaan.

PADU, yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara serta pemastautin tetap di Malaysia adalah pangkalan data sosioekonomi negara yang bersepadu mengabungkan data dari jabatan dan agensi kerajaan.

Ia akan memberikan gambaran seadilnya mengenai kedudukan sosioekonomi setiap isi rumah rakyat Malaysia.

Rakyat berusia 18 tahun ke atas boleh mendaftar dan mengemas kini maklumat ke dalam PADU mulai semalam bagi memastikan mereka yang layak mendapat manfaat tidak tercicir daripada menerima subsidi bersasar, bantuan dan perlindungan sosial melalui sistem itu.

Berucap pada majlis pelancaran PADU, di sini semalam, Anwar berkata, sistem itu dapat mengelakkan ketirisan dalam pemberian bantuan dan subsidi serta memastikan pengagihan secara adil kepada mereka yang berhak.

"Subsidi yang diberikan kerajaan (pada 2023) mencecah RM80 bilion. Dalam semua kajian, (subsidi) tidak sampai sepenuhnya kepada kumpulan sasaran. Ia diikhtirakan golongan kaya dan bukan warganegara.

"Perlu tekad baharu dan jangnan tolak ansur kerana tanpa PADU terliur banyak ketirisan, banyak kebocoran dan penipuan.

Kalau tidak, tidak ada sebab masih ada kelompok miskin dalam negara," katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

Jimat lebih RM4 bilion

Anwar berkata, penyasaran semula subsidi elektrik memperlihatkan golongan kaya yang menjadi pengguna tinggi elektrik tidak lagi menikmati subsidi dan membolehkan penjimatan lebih RM4 bilion.

PADU dibangunkan melalui kepakaran dalaman Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), dengan kerjasama dan sokongan pelbagai kementerian, agensi serta kerajaan negeri.

"PADU Go-Live' bermula semalam dan ia akan dibuka sehingga 31 Mac 2024 kepada pengguna bagi membolehkan pengemaskinian maklumat individu.



Perdana Menteri berkata, keupayaan membangunkan PADU menunjukkan jentera kerajaan mampu melaksanakan perkara baharu tanpa bergantung kepada perunding antarabangsa yang akan menelan kos yang tinggi.

"PADU adalah kerjasama semua pihak. Semua kementerian memberi sumbangan dan kerjasama.

"PADU yang dikelolakan Kementerian Ekonomi, DOSM dan MAMPU menunjukkan jentera kerajaan mampu mengolah perkara baharu dengan usaha sendiri.

"Saya ucapkan terima kasih

dan tahniah kepada jentera ini," katanya.

Perdana Menteri juga meminta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali memantau pelaksanaan sistem PADU agar ia mencapai matlamat yang diidamkan.

Beliau juga mengingatkan jentera kerajaan agar tidak meninggalkan masyarakat miskin bandar, pedalaman dan desa dalam pelaksanaan PADU.

Dengan adanya PADU, kerajaan akan beralih daripada konsep B40, M40, T20 kepada pemberian bantuan berdasarkan kriteria wajar.